

# Dr M tak wajar bidas tunda pemilihan

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad tidak seharusnya membidas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana menunda pemilihan Umno kerana beliau sendiri pernah melakukannya dua kali ketika menerajui Umno.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz, berkata beliau tidak lupa penangguhan pemilihan parti sebanyak dua kali oleh Dr Mahathir.

Beliau berkata demikian merujuk kepada kritikan Dr Mahathir terhadap Abdullah kerana menghunda pemilihan parti yang sepatutnya diadakan tahun depan sehingga selepas pilihan raya umum yang dijadualkan sebelum 2009.

Isnin lalu, bekas Perdana Menteri itu berkata beliau hanya menunda pemilihan parti ketika menghampiri pilihan raya umum dan bukan dua tahun setengah selepas pilihan raya umum.

"Saya bukan setahun dua dalam Umno. Ketika pimpinan Dr Mahathir, semua boleh dilakukan tetapi sampai masa Pak Lah tak boleh pula.

"Kita harus melupakan saja beliau (Dr Mahathir) dan teruskan hidup kita. Siapa beliau untuk menyatakan apa yang betul atau sebaliknya? Kita tidak mempunyai sistem yang membolehkan bekas Perdana Menteri mencari kesalahan kita. Siapa melantiknya? Ini tidak masuk akal.

"Kerajaan tidak ditadbir menggunakan kuasa seorang. Kita ada 32 menteri Kabinet yang membuat keputusan bagi kerajaan. Tak mungkin kita semua salah dan hanya beliau (Dr Mahathir) seorang saja betul," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Aidilfitri Perdana Menteri dan Menteri Kabinet di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, kelmarin.